



» BERITA (/BERITA) » Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia

Senarai Berita (/berita)

Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG: Sejenis spesies tiram, satu-satunya yang terdapat di dunia dan hanya terdapat di muara Sungai Muar di Johor telah disahkan sebagai spesies baharu dan dinamakan *Crassostrea (Magallana) saidii*.

Kerjasama penyelidikan antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Queen's University Belfast telah mengesahkan bahawa spesies itu tidak terdapat di kawasan lain di dunia.


Spesies itu dikenali sebagai 'tiram putih' di kalangan penduduk dan nelayan tempatan kerana isinya yang berwarna putih krim dan berkualiti tinggi.



Ia lebih mendapat sambutan penggemar tiram berbanding spesies *Crassostrea belcheri* (tiram kapak) yang juga boleh dijumpai di muara Sungai Muar. Spesies tiram kapak memiliki kulit yang lebar manakala isinya berwarna kelabu, cokelat.

Penyelidik, Dr. Nur Leena Wong dari Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata spesimen *Crassostrea (Magallana) saidii* yang dikenal pasti oleh nelayan tempatan itu disahkan identitinya melalui ujian DNA.


Spesies itu mendapat perhatian Dr Nur Leena apabila seorang penduduk tempatan Muar, Md Saidi Mohamed, menghubungi UPM pada 2017 mengenai masalah populasi tiram yang semakin berkurangan di muara Sungai Muar.



LIHAT JUGA



Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia (/berita/tiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093)



INTROP UPM anjur webinar mengenai COVID-19, pembungkusan makanan (/berita/introp_upm_anjur_webinar_mengenai_covid_19_pembungkusan_makanan-64089)



IWGM 2021 bercang meneruskan usaha kelestarian (/berita/iwgm_2021_bincang_meneruskan_usaha_kelestarian-64085)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769 1000
✉ pspk@upm.edu.my (<mailto:pspk@upm.edu.my>)



Katanya, hasil daripada usaha Md Saidi dalam memelihara warisan semulajadi itu, pasukan UPM dapat memahami biologi dan ekologi spesies unik itu dengan lebih mendalam.

“Walaupun spesies tiram sukar dikenalpasti melalui morfologi luaran, penyelam tiram tempatan yang berpengalaman dapat membezakannya.

“Saya kagum dengan ketepatan penyelam tiram dalam membezakan spesies tiram. Spesimen yang dikenal pasti oleh nelayan tempatan ini telah disahkan identitinya melalui ujian DNA, sekali gus membuktikan kepentingan ilmu dan pengetahuan yang dimiliki warga tempatan yang membawa kepada penemuan saintifik,” katanya.

Menurutnya, kaedah unik ‘menyelam tiram’ untuk mengambil tiram di Sungai Muar telah tercatat dalam sejarah dan jurnal Kapten British seawal tahun 1858 dan kaedah itu masih dilakukan sehingga kini. Penternakan tiram di dasar sungai merupakan warisan terkenal di muara Sungai Muar.

Katanya, kayu bakau sepanjang 20 kaki (6.1 meter), akan dipacakkan ke dasar sungai di sebelah bot, dan penyelam akan turun menyelam mengikut kayu itu dan mengambil tiram di dasar sungai menggunakan tangan.

Menurutnya, tiram putih atau tiram premium itu pernah dijadikan makanan istimewa untuk golongan diraja serta pegawai tinggi, dan kemudian pada awal 1990-an dieksport ke pasar di Singapura.

Dr. Nur Leena yang juga Pensyarah Kanan, Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian UPM dan Ketua Unit Muzium dan Herbarium berkata, tiram itu dinamakan *Crassostrea (Magallana) saidi* sebagai mengiktiraf usaha Md Saidi mempromosikan penyelidikan dan pemuliharaan spesies tiram berkenaan.

Katanya, penyelidikan bersama oleh beliau (Dr. Nur Leena) dengan rakan penyelidik dari Queen's University Belfast, Dr Julia Sigwart bermula dengan pengambilan sampel pada 2017 sebelum kajian biologi kitar pembiakan pada 2018 dan 2019.

Beliau berkata, mereka mengumpul dan membandingkan data dengan koleksi data berkaitan tiram yang terdapat di muzium di United Kingdom, dan spesies yang terdapat di Asia, dan mendapati tiada rekod DNA yang sama dengan tiram putih di muara Sungai Muar itu.

Katanya, mereka terkejut kerana selepas lebih 160 tahun tiram itu diketahui dan dituai secara komersial di muara Sungai Muar, ia tidak mempunyai nama saintifik.

Justeru, mereka menghantar kertas penemuan kajian itu tahun lalu ke jurnal Marine Biodiversity, yang berpangkalan di Jerman. Pada 12 Oktober 2021, nama saintifik *Crassostrea (Magallana) saidi* untuk tiram itu diperakukan

Dr. Nur Leena berkata, fokus penyelidikan kini adalah kepada pembenihan tiram itu melalui pendekatan akuakultur untuk memperbanyakkannya.

Katanya, kajian juga dilakukan untuk mengenalpasti kualiti air dan kadar kemasinan air yang paling sesuai untuk pembiakan *Crassostrea (Magallana) saidi*.

Menurutnya, pada masa ini ianya hanya hidup di muara Sungai Muar dengan kemasinan air 8 hingga 25 PPT, dan tidak boleh hidup di air laut.

“Pemuliharaan populasi kecil tiram ini amat diperlukan untuk memastikan kelestariannya,” katanya. - UPM

Tarikh Input: 12/11/2021 | Kemaskini: 12/11/2021 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F

%2FWww.upm.edu.my%2Fberita%2FTiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093&title=Tiram%20Di%20Muara%20Sungai%20Muar%20Disahkan%20Spesies%20Baharu%2C%20Tidak%20Terdapat%20Di%20Kawasan%20Lain%20Dunia%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI	PERKHIDMATAN DALAM TALIAN	PAUTAN LUAR	PAUTAN PANTAS
Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA +603-9769 1000 --- pspk@upm.edu.my TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM) 03-9769 7990 03-9769 7470 03-9769 1999	Sistem Pemohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/) KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home) Jawatan Kosong (http://sjg.upm.edu.my/) Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/) Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/) Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/) Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/) i-GIMS (stat) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp) i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smpaction/security/loginSmpSetup)	Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/) Multimedia Super Corridor (https://mdc.mylmsc-malaysia/) Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/) Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)	FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti) Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik) Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/) Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/jwagam_pelanggan-6002) Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601) Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/) Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my) Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-28659) Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf) UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGKAN MELALUI EMAIL Emel anda **HANTAR**

© 2021 Universiti Putra Malaysia

